

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 DISEMBER 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Percepat proses peralihan tenaga

Kebersamaan aktif semua negara bantu Malaysia ke arah sifar karbon

Percepat proses peralihan tenaga

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

PETALING JAYA – Kebersamaan semua negara memainkan peranan lebih aktif berkaitan dana hijau, insentif, fasilitasi teknologi dan infrastruktur akan membantu Malaysia mempercepatkan peralihan tenaga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu ditekankan ketika mesyuarat bersama pemimpin Asia bagi Komuniti Pelepasan Karbon Sifar Asia (AZEC) di Tokyo semalam.

Beliau berkata, kerajaan percaya peralihan tenaga seharusnya saksama, inklusif dan adil dengan tindakan ke arah kemajuan merangkumi model kolaborasi dan kerjasama yang progresif.

"Kuala Lumpur menghargai peranan Tokyo dalam menyediakan platform itu bagi perbincangan dan persediaan dalam melaksanakan peralihan tenaga.

"Saya singgung kepentingan pemuliharaan dan penugasan alam sekitar dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon sekali gus mampu mencapai



PERALIHAN tenaga akan membantu Malaysia mencapai status negara pelepasan sifar karbon menjelang 2050.
- GAMBAR HIASAN

Pelepasan Karbon Sifar menjelang 2050," katanya dalam satu kenyataan di Facebook.

Menurut Anwar, Malaysia dengan sendiri akan terus mengutamakan penyelesaian praktikal yang memacu kemajuan,

mengimbangi cita-cita berkaitan iklim, kelestarian dan pertumbuhan ekonomi.



ANWAR

Katanya, Malaysia optimis AZEC akan berfungsi sebagai platform bagi tempoh panjang, menggalakkan kerjasama yang saling memberi manfaat bersama dalam peralihan tenaga khususnya di rantau itu.

AZEC merupakan platform kerjasama untuk memajukan neutraliti karbon dan peralihan tenaga bagi mencapai sasaran pelepasan sifar.

Antara negara anggota AZEC termasuklah Malaysia, Australia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Jepun, Laos, Filipina, Singapura, Thailand, dan Vietnam.